

## ARTIKEL

# HUBUNGKAIT KONTEKS FOTOGRAFI DENGAN IMEJAN POLITIK KONTEMPORARI MALAYSIA DI MEDIA SOSIAL

Hakimi Halim

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak, MALAYSIA

Corresponding author: hhakimi@unimas.my

### ARTICLE HISTORY

Received:07 September 2019

Accepted:10 October 2019

Published Online:30 November 2019

### KEYWORDS

Konteks Fotografi

Internal Context

External Context

### ABSTRACT

Kertas kerja ini menekankan berkenaan kuasa imejan dalam isu politik semasa Malaysia melalui penggunaan media sosial. Ianya akan memfokuskan Teori Konteks Fotografi oleh Pengkritik Seni Amerika, Terry Barret (2000). Kajian ini melibatkan penganalisaan terhadap Internal Context, Original Context dan External Context. Sumber literatur menekankan kepada signifikan dan impak gambar dengan menelusuri aspek sejarah, politik dan sosial. Tiga pakar visual dan pengamal media sosial telah ditemubual untuk memvalidasi model teoritikal yang dibincangkan. Di akhir kajian ini, data yang dianalisa mendapati bahawa Konteks Fotografi oleh Barret mempunyai hubungkait dengan gambar politik kontemporari Malaysia. Adalah diharapkan implikasi kajian ini memberi manfaat kepada individu, organisasi, Negara dan Kerajaan dalam mendepani kuasa gambar di media sosial.

## 1.0 PENGENALAN

Pembudayaan visual telah wujud 30,000 tahun dahulu melalui catan gua, cetakan tapak tangan, dan cetakan tubuh yang dikatakan merupakan kanvas pertama manusia (Schildkrout, 2001, p.1). Hakimi dan Hishamuddin (2013) menekankan pendapat Honour dan Fleming (2009), Visual Jornalisme telah diamalkan oleh manusia dengan menggunakan bahantara sedia ada pada masa tersebut di mana menjadi kebiasaan manusia merekod cara hidup dan keadaan sekeliling mereka dari sekitar 16000 ke 14000 SM. (ms.13). Daripada itu, disimpulkan bahawa imejan telah menjadi perantara manusia sejak berzaman untuk merekod sejarah mereka dan menyampaikan maksud. Imejan sebelum ini telah lama terbukti sebagai satu medium propaganda dalam menjelaskan satu- satu isu muktahir yang melibatkan dunia termasuk Malaya di mana imejan diangkat menjadi senjata nonmilitary dalam Perang Dunia ke 2 semasa pendudukan Jepun dengan penggunaan figura ilustrasi, kapsyen Bahasa Melayu dan disulami dengan Hadith Nabi bagi mewujudkan kepercayaan Masyarakat Melayu kepada tentera imperialis Jepun (Saiful Akram & Sharulnizam, 2017, ms. 43,48,49)

Agee dan Evans (1941) menjelaskan bahawa kamera adalah senjata dan instrumen yang terlonjol pada masa kini, di bawah minda sedar manusia (ms 11). Pendapat ini menunjukkan bahawa instrumen kamera yang bukan sahaja berupaya menjadi instrumen atau alatan sahaja, malah lebih bahaya ianya dapat menjadi senjata. Manakala pemikiran kontemporari dijelaskan seperti di bawah:

“Fotografi adalah pembawa (pemikiran) utama dan pembentuk modernism.”

(Price dan Wells, 2000, ms. 19)

Steve McCurry keluar dengan karya Afghan Girl (1984) yang menjadi simbol kepada kekuatan, dan jerit perih akhir abad ke 20. Dengan raut wajah yang kotor dan mata hijau subjek yang tajam sekaligus menjadi simbol bantahan perang pada era Perang Soviet ke atas Afghanistan. Kecantikan wajah subjek dengan kekuatan renungan mata hijau yang jernih memberi dorongan yang mengubah pandangan dunia barat terhadap dunia gadis tersebut. Afghan Girl sekaligus menjadi inspirasi warga dunia untuk membantah peperangan di era perang dingin (Bannon, A., 2002, ms 12)

Szarkowski (1966) membandingkan seni catan dengan gambar fotografi di mana seni catan adalah seni yang mahal, memilih subjek yang penting dan sangat berharga. Sedangkan fotografi itu murah tetapi apabila ianya kekal dan objektif (mempunyai fungsi atau matlamat), abadi dalam sekeping gambar, perkara remeh ini akan menjadi sangat penting; abadi sebagai sejarah yang boleh diungkit-ungkit (ms. 7).

Oleh yang demikian, telah dilihat daripada perbincangan ini bahawa visual sangat memberi impak kepada masyarakat. Gambar fotografi sebagai satu genre kesenian visual tidak terkecuali dalam memberi peranan yang penting pada peristiwa- peristiwa penting dalam sejarah